



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

16 ekor lembu mati keracunan, penternak rugi RM40,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online		19 Nov

16 ekor lembu mati keracunan, penternak rugi RM40,000

Oleh Nurul Fatimah Sulaini



Mohamad Saad, melihat bangkai lembu bergelimpangan di kebunnya

Setiu: "Saya tidak pergi ke kebun petang semalam kerana tidak sanggup melihat haiwan peliharaan mati akibat perbuatan khianat," kata penternak lembu, Mohamad Saad.

Mohamad, 62, dari Kampung Seri Kenangan, Sungai Tong, di sini, berkata dia tidak mahu menuduh sesiapa, tetapi berasa kecewa apabila mereka berbuat demikian.

Dalam kejadian pagi semalam, sebanyak 16 ekor lembu miliknya mati disyaki diracun menyebabkannya mengalami kerugian kira-kira RM40,000.

Mohamad berkata, dia mengetahui kejadian terbabit selepas dimaklumkan penduduk kampung kira-kira 5 petang semalam.

"Pada awalnya, adik saya Khairuddin, 52, beritahu terjumpa bangkai seekor lembu kira-kira 7 pagi semalam, namun saya sangka mungkin hanya seekor sahaja yang mati.

"Namun, kira-kira 5 petang ada penduduk terjumpa lagi beberapa bangkai lembu di kawasan sama dan anak saya, Naquiddin, 32, segera ke kebun untuk melihatnya," katanya ketika ditemui, di sini, hari ini.

Mohamad berkata, anak menghubunginya bagi memaklumkan terdapat 16 ekor lembu peliharaan bersama adiknya ditemukan mati bergelimpangan di kawasan kebun seluas kira-kira 1.62 hektar.

"Anak melihat ada tiga biji tong disyaki untuk diletakkan air dicampur dengan racun. Jika ada pihak tidak berpuas hati mungkin ada lembu saya merosakkan tanaman sepatutnya mereka datang berbincang.

"Saya sanggup membayar jumlah kerugian dialami mereka bukan dengan bertindak kejam seperti ini," katanya.

Katanya, insiden sama pernah berlaku dua tahun lalu apabila enam ekor lembu milik adiknya menjadi mangsa disyaki diracun.

"Laporan polis serta laporan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sudah dibuat untuk menyiasat punca sebenar kematian semua haiwan ini.

"Saya reda dan anggap ujian ini untuk kami sekeluarga, namun berharap kejadian sama tidak akan berlaku kepada penternak lain," katanya.

Disiarkan pada: November 19, 2023 @ 3:27pm

16 ekor lembu mati diracun

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	18	20 Nov



16 ekor lembu mati diracun

SETIU – Seorang penternak jatuh terduduk apabila 16 ekor lembu peliharaan mati bergelimpangan disyaki diracun sehingga menyebabkan kerugian RM40,000.

Mohamad Saad, 62, mendakwa, kejadian lembunya mati diracun itu merupakan kali kedua berlaku dalam tempoh dua tahun.

“Terkejut saya apabila lembu-lembu peliharaan ditemui mati bergelimpangan di kawasan kebun buah-buahan milik saya pada pukul 5 petang semalam (kelmarin) oleh seorang penduduk.

“Anak lelaki saya bergegas ke lokasi kejadian dan mengesahkan 16 ekor lembu ternakan kami telah diracun,” katanya kdi lokasi kejadian di Kampung Kenangan, di sini semalam.

Mohamad mengesyaki kematian lembu-lembunya akibat diracun berikutan penemuan tiga tong mengandungi air berisiracun tidak jauh dari lokasi haiwan ternakan itu ditemui.

“Saya telah membuat laporan polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berhubung kematian lembu-lembu saya ini,” katanya.

MOHAMAD menunjukkan sebahagian lembunya yang mati di Kampung Kenangan, Setiu semalam.

Kontraktor jadi penternak puyuh

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	34	20 Nov

Kontraktor jadi penternak puyuh

JASIN: Keputusan diambil untuk berhenti daripada menjadi kontraktor Petronas sewaktu Covid-19 bagi memberi fokus dalam ternakan burung puyuh sejak tiga tahun lalu tidak sia-sia buat Mohamad Hazri Khairan, 34, dari Kampung Kesang Tua dekat sini.

Pemegang Diploma Kejuruteraan Mekatronik dari Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTMM) Balik Pulau, Pulau Pinang itu tidak berasa menyesal atas keputusan dibuat berikutan sukar mendapat kontrak ketika pandemik melanda.

Sejak meneroka bidang penternakan puyuh untuk pasaran daging dan telur, Mohamad Hazri kini mampu menternak lebih daripada 6,000 ekor spesies berkenaan menggunakan tiga reban.

Dia yang menternak unggas itu di belakang rumah bapa mentuanya bermula dengan hanya tidak sampai 100 ekor pada 2020.

“Sewaktu tidak ada kerja, bapa mentua suruh saya bela puyuh. Apabila saya mula belajar mengenai puyuh dari segi makan, penjagaan dan hasilnya,



MOHAMAD HAZRI Khairan menunjukkan ternakan puyuh miliknya di Kampung Kesang Tua, Jasin, Melaka. -UTUSAN/AMRAN MULUP

saya lihat ia adalah bidang yang menarik.

“Saya dapati untuk membelanya tidak susah sangat dan dalam tempoh sebulan sudah boleh dapat hasil terutama untuk daging dan telur.

“Bermodalkan RM100,000 duit simpanan, saya teroka belakng rumah bapa mertua untuk

membina tiga reban, tempat penyimpanan, tempat proses dan sebagainya,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Mohamad Hazri, dia mengikuti kursus menternak burung itu dianjurkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menambah ilmu dan kelengkapan.

Mula pindah ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Dalam Negeri	26	20 Nov

Mula pindah ternakan

FOTO BERNAMA

Penternak di Kuala Krai bina kandang di kawasan bukit elak banjir

KUALA KRAI

Hujan berterusan sejak Jumaat lepas menyebabkan kira-kira 10 penternak di sekitar Kuala Krai mula membuat persediaan bagi menghadapi kemungkinan banjir dengan mengalih haiwan peliharaan mereka ke kawasan selamat.

Penternak lembu, Mohd Sekeri Mat Shah, 63, dari Kampung Batu Mengkebang berkata, bagi mengelak perkara tidak diingini semasa musim Monsun Timur Laut, dia membina kandang sementara di atas bukit untuk menempatkan 15 lembu peliharaannya.

"Setiap kali musim tengkujuh, saya akan alih lembu-lembu yang biasanya berada berdekatan sungai ke tempat le-



Penternak di Kuala Krai membina kandang sementara di atas bukit untuk menempatkan lembu peliharaan.

MONSUN TIMUR LAUT

bih tinggi.

"Apabila hujan kita tidak boleh jangka paras sungai akan naik secara mendadak atau tidak, sebab itu saya

bina kandang sementara untuk lembu-lembu ini berteduh," katanya kepada *Bernama* pada Ahad.

Penternak biri-biri di Kampung Tengah, Rosli Abd Ghani, 62, berkata, walaupun empat biri-birinya ditambah di

kawasan berumput, langkah berjaga-jaga perlu diberi keutamaan memandangkan kawasan itu berdekatan sawah dan aliran sungai.

"Saya akan sentiasa pantau situasi semasa seperti cuaca dan sebagainya.

"Musibah banjir yang berlaku di Kuala Krai sebelum ini banyak beri pengajaran kepada saya untuk lebih bersedia dengan segala kemungkinan apabila musim tengkujuh melanda," jelasnya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR